

SINTAKSIS

BENTUK AYAT TUNGGAL

1. PENGENALAN BENTUK AYAT

- Bentuk ayat ialah pengkategorian ayat dengan **berdasarkan bilangan klausa** yang membina sesuatu ayat.
- Bentuk ayat dalam bahasa Melayu terdiri daripada dua, iaitu **ayat tunggal** dan **ayat majmuk**.

2. AYAT TUNGGAL

2.1 Konsep Ayat Tunggal

- Ayat tunggal = sesuatu ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat, atau satu klausa sahaja.
- Ayat tunggal berasal daripada ayat dasar, tetapi ayat tunggal boleh terdiri daripada pelbagai ayat selagi bersifat satu klausa.

(a) Susunan ayat tunggal:

<i>Ayat Susunan Biasa</i>	<i>Ayat Susunan Songsang</i>
Mereka sungguh baik hati.	Sungguh baik hati mereka.
Kamu pergi ke mana?	Ke mana kamu pergi?
Rumah itu baru dibina.	Baru dibina rumah itu.

(b) Jenis ayat tunggal:

<i>Ayat Penyata</i>	<i>Ayat Perintah</i>
Saya masih tidak sihat.	Jangan mencabar kesabaran saya.
Kepulangannya mengejutkan kami.	Usah berborak-borak lagi.
Tempat itu sungguh jauh.	Sila berbaris di sana.

<i>Ayat Tanya</i>	<i>Ayat Seruan</i>
Mengapakah kamu menangis?	Wah, hebatnya mereka!
Bapanya bekerja di mana?	Aduh, sakit sungguh perutku!
Apakah maksud kata terbitan?	Syabas, anda sudah berjaya!

(c) Ragam ayat tunggal:

<i>Ayat Aktif</i>	<i>Ayat Pasif</i>
Kamil memandu kereta.	Kereta dipandu oleh Kamil.
Budak itu terpijak paku.	Paku terpijak oleh budak itu.
Saya mendaki bukit	Bukit saya daki.

2.2 Perbezaan dan Persamaan antara Ayat Tunggal dengan Ayat Dasar

<i>Perbandingan</i>	<i>Ayat Tunggal</i>	<i>Ayat Dasar</i>
Perbezaan	Jenis ayat: Ayat penyata, ayat perintah, ayat tanya, ayat seruan	Jenis ayat: Ayat penyata
	Susunan ayat: Ayat biasa, ayat songsang	Susunan ayat: Ayat biasa
	Ragam ayat: Ayat aktif, ayat pasif	Ragam ayat: Ayat aktif
Persamaan	<ul style="list-style-type: none">• Terdiri daripada satu subjek dan satu predikat• Terbina daripada satu klausa• Jika kedua-duanya terdiri daripada ayat biasa dan ayat pasif	